

Pengguna disaran utama barangan buatan Malaysia

Butterworth: Pengguna disaran mengutamakan barangan buatan Malaysia berbanding hanya membeli produk pihak tertentu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata tindakan segelintir pihak memboikot barangan keluaran bukan Bumiputera dan bertukar kepada mengutamakan produk Muslim, adalah dalam tujuan sama.

"Mereka ini berubah-ubah, bermula sebagai boikot. Selepas diberi jawapan rasional kenapa tak perlu ada boikot, skripnya itu diubah kepada mengutamakan produk Muslim.

"Fokus kita ialah untuk memperoleh kehidupan harmoni dan memakmurkan negara, maka kita perlu dukungan semua pihak.

"Dalam konteks negara ini, apa yang patut kita dahulukan adalah kempen beli barangan buatan Malaysia," katanya pada sidang media selepas merasmikan Rumah Ilmu Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Air Tawar di sini, semalam.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, tindakan memboikot barangan bukan Bumiputera tidak sepatutnya berlaku dan tidak akan memberi kesan, sebaliknya hanya menimbulkan kemarahan.

Kenyataan itu susulan gerakan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melancarkan kempen mengutamakan pembelian produk Islam, di samping menggesa masyarakat Melayu memboikot barangan serta perkhidmatan bukan Islam.

Sementara itu, Saifuddin berkata, kertas kerja membabitkan pelaksanaan subsidi petrol berdasar menunggu giliran untuk dibentangkan di Kabinet.

"Kertas kerja sudah siap sepegunya dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet pada masa terdekat," katanya.

Di Alor Setar, cadangan memboikot barangan keluaran bukan Bumiputera disifatkan tidak wajar kerana hanya akan mengundang perpecahan dalam kalangan masyarakat.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata tindakan golongan cetek pemikiran itu mampu meretakkan hubungan masyarakat berbilang kaum.

"Mana-mana pihak seharusnya tidak menganjurkan program yang boleh memecah-belah masyarakat, sebaliknya semua harus bersatu-padu supaya Malaysia menjadi negara berjaya," katanya ketika berucap sempena perasmian Pesta Kebudayaan Cina Malaysia Ke-36 di sini, semalam.